



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN**

PERATURAN 38(b)

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN
KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN / JABATAN
DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN SAHAJA.**

**KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KAJI KUMAN) (M.15)
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 06 MAC 2024
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 20 MAC 2024
BILANGAN IKLAN: 2024/MAC/01**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KAJI KUMAN)
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.15 (\$3,890 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Makmal Perubatan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Saintifik Kanan atau Pegawai Saintifik atau jawatan sebanding dalam tangga gaji M.14 / M.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.12 / M.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab bagi memastikan kaedah ujian yang digunakan selaras dengan Piawaian Antarabangsa yang telah ditetapkan serta diikuti oleh kakitangan bawahan;
2. Mengetuai satu bahagian makmal dan bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus kakitangan di bawah jagaan;
3. Bertanggungjawab bagi kesempurnaan dan mutu ujian makmal dengan mengawasi mutu (*quality*) ujian makmal;
4. Bertanggungjawab bagi mempertingkatkan dan memperbaiki perkhidmatan makmal dengan teknologi yang terkini dan bersesuaian dari semasa ke semasa;



5. Bertanggungjawab dalam memastikan kompetensi kakitangan bawahan dengan menyediakan program latihan dan kursus ulang kaji;
6. Bertanggungjawab bagi menyediakan program latihan penempatan bagi pegawai-pegawai serta penuntut-penuntut;
7. Membantu mengendalikan hal ehwal pentadbiran, pengurusan kakitangan dan sumber tenaga di semua bahagian di bawah Jabatan Perkhidmatan Makmal;
8. Menyediakan rancangan dan keperluan latihan yang diselaraskan oleh Penyelaras Latihan;
9. Menyediakan laporan tahunan, rancangan belanjawan tahunan, membentuk dan mendokumentasikan serta melaksanakan dasar-dasar di bahagiannya;
10. Bekerjasama dengan Pakar-Pakar Makmal dan Pegawai Perubatan Makmal dalam memberikan perkhidmatan kepada semua pelanggan makmal; dan
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dan Pengarah Perkhidmatan Makmal dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

Alamat	:	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Emel	:	hr.secretariat@moh.gov.bn
No.Tel	:	2383020